**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Kastam,
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 Putrajaya,
MALAYSIA.

No. Tel : 03-8882 2649/2645
No. Fax : 03-8889 5866
Laman Web : www.customs.gov.my

*Diiktiraf MS ISO 9001 : 2000*
*[illegible]*

**Ruj. Kami : KE.HE (44)001/01-3(A) Klt.5 (22 )**
**Tarikh : 15 November 2010**

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1**

**YBhg.Dato' / Tuan,**

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN KELULUSAN AGEN KASTAM DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut diatas adalah dirujuk.

2. Seperti yang tuan/tuan sedia maklum kelonggaran telah diberi kepada agen penghantaran untuk membuat pembaharuan kelulusan walaupun tidak mempunyai pekerja yang telah menghadiri dan lulus Kursus Ejen Kastam (KEK). Kelonggaran ini adalah bagi tempoh satu tahun dari tarikh tamat tempoh kelulusan dengan tempoh maksima dua tahun. Kelonggaran ini telah diberi sejak Jun 2008 oleh kerana pengendalian KEK tidak dapat dijalankan sebagai dirancang oleh sebab-sebab tertentu.

3. Sehubungan dengan ini surat ini dikeluarkan sebagai peringatan kepada syarikat-syarikat ejen penghantaran dan perkapalan bahawa bagi mana-mana agen penghantaran yang telah diberi pembaharuan kelulusan tanpa mempunyai pekerja yang telah menghadiri dan lulus Kursus Ejen Kastam berdasarkan kepada kelonggaran tersebut diatas, pembaharuan seterusnya hendaklah mematahui syarat mempunyai sekurang-kurangnya 2 pekerja yang telah hadiri dan lulus KEK.

5. **Kursus Ejen Kastam** telah pun di laksanakaan oleh **Universiti Utara Malaysia**, semua pertanyaan mengenai kursus KEK hendaklah dikemukakan kepada En. Husni Zaim Bin Rahman nombor telefon 04-9285117 atau e-mail husnizaim@uum.edu.my atau En. Fadzil Mohd. Husni nombor telefon 04-9285015 atau e-mail mhfadzil@uum.edu.my.

6. Untuk makluman Universiti Utara Malaysia juga akan mengendalikan **Kursus Ejen Perkapalan (KEP)** pada bulan **Disember 2010** dan mulai Jun 2011 semua Agen Perkapalan adalah dihendaki mempunyai sijil KEP untuk kelulusan pembaharuan agen perkapalan. Pegawai diatas boleh dihubongi untuk maklumat selanjut mengenai KEP.

Pihak tuan juga boleh layari lamanweb **Universiti Utara Malaysia Pusat Pembangunan Eksekutif** di www.ppe.uum.edu.my untuk maklumat lanjut mengenai tarikh dan lokasi kursus. Pihak tuan juga boleh hubungi Ketua Jabatan Pengajian Luar, AKMAL Melaka untuk maklumat seterusnya seperti berikut:

**Akademi Kastam Diraja Malaysia Melaka**
(Royal Malaysian Customs Academy)
Peti Surat 160, Bukit Baru,
Hang Tuah Jaya
75730 Melaka
Malaysia
No Telefon: +6062331100
No Fax: +6062317762
Email:admin@akmal.gov.my

Sekian terima, kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**(D. Martin Joseph)**
**Bahagian Perkastaman**
Cawangan Import / Export & Kawalan Sempadan
b.p. Ketua Pengarah Kastam,

s.k.

(i) Pengarah Kastam , Bahagian Perkastaman

(ii) Executive Development Centre
Universiti Utara Malaysia, Sintok
Kedah 06010
**U.P. En. Husni Zaim Bin Rahman**

(iii) Fail Timbul